

Budak 18 tahun dipercayai anggota sindiket seludup ke negara jiran

Remaja sorok gula ditahan

Kosmo 21/05/2010 M/S 3

Oleh Zaid Mohd. Noor
zaid.mohdnor@kosmo.com.my

PASIR MAS - Gara-gara menyorok gula, seorang remaja yang dipercayai menjalankan kegiatan penyeludupan gula ditahan di sebuah rumah di Cabang Empat Salam, Rantau Panjang di sini kelmarin.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan (KPDNKK) Pasir Mas, Hanafi Mamat berkata, remaja berusia 18 tahun itu ditahan selepas didapati menyimpan gula di rumah yang dijadikan stor menyorok barangan kawalan itu.

Stok bekalan gula itu dikatakan akan diseludup ke negara jiran.

Menurutnya, sekumpulan pegawai penguat kuasa KPDNKK Pasir Mas melakukan pemeriksaan di rumah tersebut selepas dimaklumkan oleh Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) mengenai aktiviti menyorok gula di rumah berkenaan.

Hasil pemeriksaan lanjut mendapati seorang remaja berada di rumah tersebut bersama 468 kilogram gula yang bernilai RM1,747.35.

"Remaja tersebut dipercayai salah seorang yang menjalankan kegiatan penyeludupan gula di Pangkalan Haram, Sungai Golok, Rantau



HANAFI (kanan) menunjukkan gula yang dirampas dari sebuah rumah di Cabang Empat Salam, Rantau Panjang kelmarin.

Panjang," katanya di sini semalam.

Hanafi seterusnya berkata, remaja tersebut dipercayai mengumpul gula yang di-

beli secara sedikit-sedikit di kedai-kedai runcit termasuk pasar raya di sini dan Kota Bharu sebelum dikumpul di rumah berkenaan.

Serbu Golok beli gula

Kristis gula semakin runcit di Kelantan



KERATAN Kosmo! kelmarin.

"Remaja itu kemudian memunggah gula tersebut ke pengkalan haram di Sungai Golok untuk menyeludup barangan kawalan tersebut," ujarnya.

Remaja itu akan didakwa di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Barangan 1969 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda* sehingga RM100,000 atau tiga tahun penjara.

Dalam pada itu, Hanafi berkata, sebanyak 13,362 kilogram gula bernilai RM22,473 dirampas di jajaan Pasir Mas yang melibatkan 26 kes sejak Januari lalu hingga setakat ini.

Sebanyak 30,700 kilogram gula yang bernilai RM44,515 dirampas sepanjang tahun lalu.

Kosmo! Rabu lalu melaporkan masalah bekalan gula yang berlaku secara berterusan di negeri-negeri pantai timur kini memaksa penduduk di Rantau Panjang membeli dan menyeludup bahan tersebut dari pekan Golok, Thailand.